

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam- Perintah Kanak-Kanak, 2000

Bahagian II

(2) Bagi maksud Perintah ini, seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan jika:-

- (a) Kanak-kanak itu telah atau terdapat bahaya yang besar bahawa kanak-kanak itu akan dcederakan secara fizikal atau perasaannya terluka atau dianiyai secara seksual oleh penjaganya;
- (b) Kanak-kanak itu telah atau terdapat bahaya yang besar bahawa kanak-kanak itu akan dcederakan secara fizikal atau perasaannya terluka atau dianiyai secara seksual oleh penjaganya; dengan mengetahui kecederaan atau penganiayaan atau bahaya seperti itu tidak dilindungi atau tidak mungkin melindungi kanak-kanak itu dari kecederaan atau penganiayaan seperti itu;
- (c) Penjaga kanak-kanak itu adalah tidak layak, atau telah mengabaikan atau tidak dapat, menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sewajarnya ke atas kanak-kanak itu dan kanak-kanak itu terjerumus ke dalam bergaulan yang tidak sihat atau terdedah kepada bahaya moral, atau susah untuk dikawal;
- (d) Penjaga kanak-kanak itu telah mengabaikan atau tidak mahu memberinya jagaan, makanan, pakaian dan tempat berlindung yang mencukupi;
- (e) Kanak-kanak itu tidak mempunyai penjaga, atau telah ditinggalkan oleh penjaganya dan setelah menjalankan penyiasatan yang munasabah penjaga itu tidak dapat dijumpai, dan orang lain yang sesuai tidak mahu dan mampu memelihara kanak-kanak itu;
- (f) Kanak-kanak itu perlu diperiksa, disiasat atau dirawat untuk tujuan memulihkan atau menjaga kesihatannya dan penjaganya mengabaikan atau enggan membenarkannya diperiksa, disiasat atau dirawat;
- (g) Kanak-kanak itu berkelakuan secara yang membahayakan, atau mungkin membahayakan dirinya atau mana-mana orang lain dan penjaganya tidak mampu atau tidak mahu mengambil langkah-langkah untuk membetulkannya yang diambil oleh penjaga itu gagal;
- (h) Terdapat perselisihan di antara kanak-kanak itu dan penjaganya, atau di antara penjaga-penjaganya, sehingga hubungan kekeluargaan berpecah belah dengan teruknya, yang menyebabkan perasaannya terluka;
- (i) Kanak-kanak itu adalah orang yang berkaitan dengannya sebarang kesalahan yang disebutkan dalam Kanun Hukuman Jenayah (penggal 22) atau sebarang kesalahan yang jenisnya diperihalkan dalam Bahagian IV telah atau dipercayai telah dilakukan dan penjaganya adalah orang yang melakukan kesalahan itu atau dipercayai telah melakukan

kesalahan itu atau tidak melindungi atau tidak mungkin melindunginya dari kesalahan itu;

(j) Kanak-kanak itu adalah

(i) Ahli keluarga yang sama dengan kanak-kanak yang disebutkan dalam perenggan (i); atau

(ii) Ahli keluarga yang sama orang yang telah disabitkan atau sebarang kesalahan yang disebutkan dalam perenggan (i), dan ternyata berada dalam bahaya berlakunya kesalahan yang serupa ke atasnya atau berkaitan dengannya dan penjaganya adalah orang yang melakukan atau dipercayai telah melakukan kesalahan itu atau penjaganya tidak mampu atau tidak mahu melindunginya dari kesalahan itu;

(k) Kanak-kanak itu dijumpai mengemis.

Bab (1) Mana-mana orang yang, iaitu orang yang memelihara seseorang kanak-kanak, 26 menganiayanya, mengabaikan, membiarkan atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin menyebabkan fizikalnya tercedera atau perasaannya terluka atau menyebabkan atau membenarkannya dianiaya, diabaikan, dibiarkan atau didedahkan, hendaklah dihukum penjara sehingga 7 dengan 10 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

Mana-mana orang yang menyebabkan atau mencari mana-mana kanak-kanak atau bagi orang yang memelihara seseorang kanak-kanak, membiarkan kanak-kanak itu berada di sebarang jalan, bangunan atau tempat untuk tujuan.

(a) Mengemis atau menerima derma, atau memujuk pemberian derma; atau

(b) Sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang atau kegiatan yang menjejaskan kesihatan atau kebajikan kanak-kanak itu,

hendaklah dihukum penjara sehingga 5 tahun dengan 8 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi \$10,000 atau kedua-duanya sekali.

Bab Mana-mana orang yang, sebagai penjaga atau orang yang pada masa itu memelihara 28 seseorang kanak-kanak, meniggalkan kanak-kanak itu, tanpa membuat persediaan yang munasabah atau di bawah hal keadaan yang tidak munasabah hendaklah dihukum penjara sehingga 5 tahun dengan 10 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi \$10,000 atau kedua-duanya.